



# Masih Mahu Menolak Hadis?

**Sikap berhati-hati dalam menerima hadis adalah baik, tetapi jangan sampai jadi anti hadis**

Kewajipan mengikut ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. adalah satu perintah Allah s.w.t. yang termaktub dalam al-Quran. Dari segi istilah, ia disebut sebagai *ittiba'*.

Firman Allah yang bermaksud: "Katakanlah wahai Muhammad bahawa jika kamu semua kasih akan Allah maka ikutilah daku (Nabi Muhammad) maka Allah akan kasih kepada kamu semua dan akan mengampunkan bagi kamu..." (Surah Ali 'Imran 3: 31)

Bagaimana proses untuk mengikut Nabi Muhammad s.a.w.? Ada beberapa perkara yang penting untuk kita fahami. Antaranya adalah dengan mengikut sunnah yang sampai dengan riwayat yang sahih. Sikap

menolak riwayat sunnah atau riwayat hadis secara keseluruhan adalah sikap golongan yang tidak mengikut perintah al-Quran agar Nabi diikuti.

## Menolak Hadis

Ada golongan dalam masyarakat Muslim yang menolak hadis atau sunnah. Golongan ini menolak hadis secara total.

Hujahnya ialah proses penulisan hadis yang lambat. Hadis dalam *Sahih al-Bukhari* contohnya ditulis pada kurun ke-3 Hijrah iaitu 200 tahun lebih selepas kewafatan Nabi Muhammad s.a.w. Hadis juga tidak relevan dengan suasana masyarakat moden. Selain itu, wujud hadis palsu dan daif.

Hadis Nabi ialah perkataan, perbuatan dan pengakuan Nabi s.a.w. Ada masanya Nabi s.a.w. bersabda. Sabda dan ucapan Nabi ini adalah hadis. Ada masanya Nabi melakukan sesuatu perkara. Apa yang dilakukan oleh Nabi s.a.w. juga menjadi hujah, lebih-lebih lagi dalam aspek ibadat. Ada masanya sesuatu perkara yang di-

lakukan para sahabat, Nabi s.a.w. tidak mengingkarinya bahkan ada yang diakui oleh Nabi s.a.w. Inilah antara maksud hadis.

Sebenarnya penulisan hadis bukan bermula pada zaman Imam al-Bukhari. Penulisan hadis telah bermula sejak zaman awal Islam. Sudah ada beberapa orang sahabat yang turut menulis riwayat hadis. Imam Malik contohnya yang lahir sekitar tahun 80 Hijrah sudah pun menulis satu kitab hadis yang dikenali sebagai *al-Muwatta'*. Imam Malik sempat berjumpa dengan para sahabat Nabi yang masih hidup.

Selain penulisan, riwayat hadis juga dihafal dalam ingatan. Kemampuan mereka menghafal hadis amat mengagumkan. Bukan sekadar puluhan hadis, tetapi mencapai ribuan hadis.

## Mengapa Wujud Hadis Palsu?

Kewujudan hadis palsu tidak dinafikan. Terdapat pelbagai faktor kewujudan hadis palsu. Antaranya kerana **pertikaian politik**. Contohnya hadis-hadis yang mengagung-agungkan Sayidina Ali bin Abi Talib dan Mu'awiyah. Begitu juga hadis yang menghentam kedua-dua tokoh ini. Namun mereka berdua (Sayidina Ali dan Mu'awiyah) tidak terlibat dalam proses penciptaan hadis palsu tersebut.

Ada juga disebabkan **fanatik mazhab** dan **pendapat sendiri**. Lalu pendapat mereka dikuduskan dengan riwayat hadis yang memuji mazhab mereka. Ada riwayat hadis yang mencela Imam al-

Syafi'i, dengan dakwaan bahawa dia lebih berbahaya daripada iblis. Ada juga riwayat hadis yang mencela para ulama yang lain. Sikap mencela sesiapa sahaja apatah lagi golongan yang baik, soleh, berilmu dan sebagainya merupakan sikap yang tidak baik. Ia wajiblah dihindari.

Selain itu, disebabkan **kuasa, pangkat, kekayaan** dan pelbagai faktor lain. Maka menolak hadis palsu memang tuntutan Islam. Sabda Nabi s.a.w. yang bermaksud: "Sesiapa yang berdusta atas namaku secara sengaja, maka sediakan tempat untuknya daripada neraka." (Riwayat Muslim, al-Muqaddimah, no. 3)

Begitu juga sikap berhati-hati dengan hadis daif. Namun bukan semua ulama hadis menolak hadis daif. Ada hadis daif yang diterima sekiranya mempunyai asal yang kukuh. Lebih-lebih lagi jika hadis daif hanya sebagai galakan melakukan sesuatu perkara yang memang sabit daripada al-Quran ataupun hadis sahih.

Dalam disiplin ilmu hadis, ada riwayat hadis yang diterima. Hadis ini adalah hadis yang cukup syarat seperti sambungan utaian sanad hadis, periyawat hadis yang adil dan kuat ingatannya serta tiada *illat* (kecacatan) pada hadis. Secara mudah, hadis yang dihukum sebagai hadis sahih dan juga hadis hasan menepati syarat-syarat hadis yang diterima.

Namun ada juga hadis yang ditolak. Hadis sebegini tidak mencukupi syarat riwayat hadis. Secara mudah, hadis palsu dan hadis yang sangat daif adalah ditolak.

Oleh sebab itu, sikap berhati-hati dalam menerima hadis adalah baik. Namun ia bukanlah berdasarkan hawa nafsu kita tetapi menurut disiplin ilmu yang telah dikaji oleh puluhan para ulama hadis. Disiplin ini menjadi medan kajian para ulama sejak zaman-berzaman.

### Kenapa Mahu Menolak Hadis?

Menolak hadis dan sunnah secara total adalah jelas satu sikap yang salah. Cuba fikirkan secara logik, antaranya:

#### 1. Sikap ambil berat sahabat Rasulullah

Cuba fikirkan bagaimanakah sikap dan akhlak para sahabat yang sangat mengutamakan sunnah Nabi s.a.w. Kalau-lah hadis tidak diperlukan, maka sewajarnya hadis tidak langsung dipedulikan oleh umat Islam

sejak zaman para sahabat lagi.

#### 2. Bagaimana melakukan ibadah khusus?

Cuba fikirkan bagaimanakah tatacara untuk melaksanakan ibadat khusus seperti solat, puasa, zakat dan haji jika tidak dikaji dalam hadis.

Ada pendapat yang menyatakan agar diambil terus daripada al-Quran. Persoalannya, adakah al-Quran menjelaskan secara lengkap? Jelas bahawa al-Quran meletakkan dasar. Contohnya mengenai solat. Ada perintah melaksanakan solat, membaca apa yang mudah daripada al-Quran, rukuk, sujud dan soal khusyuk. Ini sahaja perkara yang disebut dalam al-Quran berkaitan solat. Namun apa bacaan doa iftitah, bacaan ketika rukuk, iktidal dan sujud? Bagaimana dengan bilangan rakaat solat? Berapa kali sujud setiap rakaat? Bagaimana hukum pakaian ketika solat?

Kalau dikaji dalam al-Quran, kita akan dapati al-Quran tidak menerangkan dengan lanjut perkara tersebut. Solat dalam al-Quran diterangkan mengenai perintah melaksanakan solat, rukuk, sujud dan khusyuk sahaja. Bagaimana rukun yang lain?

Ibadat puasa juga tidak diuraikan dengan lanjut. Cuma ada perintah berpuasa, tegahan makan dan minum serta tegahan tidak bersama suami isteri pada siang hari bulan puasa dan waktu puasa. Bagaimana dengan tegahan puasa yang lain? Bagaimana kifarat puasa jika terlanggar tegahan puasa? Begitu juga aspek zakat dan haji.

Semata-mata berpegang dengan al-Quran akan menjauahkan kita daripada petunjuk Nabi s.a.w. Dalam erti lain, kita tidak mengikut Nabi s.a.w.

### Hukum Dibawa Rasulullah Jelas

Ada pendapat menyatakan bahawa ibadat khusus tidak perlu merujuk kepada Nabi Muhammad s.a.w., sebaliknya ia terus dirujuk kepada sirah Nabi Ibrahim a.s. Ini kerana Nabi Ibrahim a.s. adalah bapa para nabi. Adakah pendapat ini boleh diterima?

Cuba bayangkan periyawatan hadis Nabi Muhammad s.a.w. yang jelas tertulis pun ditolak, bagaimana hendak merujuk sirah Nabi Ibrahim a.s.? Nabi Ibrahim a.s. wujud ribuan tahun sebelum Nabi Muhammad s.a.w. Sudah tentu sejarah Nabi Ibrahim a.s. tidak tercatat. Lagipun, hukum syariah setiap rasul adalah berbeza. Kenapa perlu diikut Nabi Ibrahim sedangkan ada hukum khusus dalam sunnah Nabi Muhammad s.a.w.?

Tidak ragu-ragu lagi, sikap menolak hadis keseluruhannya adalah salah dan ia membawa kepada penyimpangan daripada jalan yang lurus. Oleh sebab itu, berhati-hati dengan mana-mana fahaman yang menolak hadis secara total. ■



**Mohd. Nidzam Abd. Kadir**

Lulusan Sarjana dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), kini berkhidmat sebagai pensyarah juga di UIAM. Berpengalaman menimbi ilmu di Pondok Tumboh, Kelantan, kemudian menyambung pelajaran di Universiti Al-Azhar dan kursus peringkat Sarjana di American Open University, Kaherah. Aktif dalam penulisan. Layari blog beliau: [www.nidzamkadir.blogspot.com](http://www.nidzamkadir.blogspot.com)

## MUHASABAH

### Alamak, terlupa!

Manusia memang pelupa. Sering terlupa tempat barang miliknya diletak, terlupa ada temu janji, terlupa isi-isi penting pelajaran sehingga tidak mampu menjawab dengan tepat dalam peperiksaan dan sebagainya. Sebab itulah manusia perlukan organizer dan reminder.

Tidak mengapa jika manusia sering terlupa itu dan ini. Bukanakah manusia dinamakan manusia kerana sifatnya yang pelupa? Itulah asal maksud perkataan *al-insan* daripada kata akar *nasiya* (lupa). Namun jangan sekali-kali kita terlupa bahawa kita pernah beraku janji dengan Pemilik timur dan barat serta Pencipta langit dan bumi. Kita pernah "menandatangani" satu kontrak dengan Pencipta kita. Itulah kesaksian tauhid.

Allah berfirman yang bermaksud: "Dan (ingatlah), ketika Tuhanmu mengeluarkan keturunan anak-anak Adam dari sulbi mereka dan Allah mengambil kesaksian terhadap jiwa mereka (seraya berfirman): 'Bukankah Aku ini Tuhanmu?'

"Mereka menjawab: 'Betul (Engkau Tuhan kami), kami menjadi saksi.' (Kami lakukan yang demikian itu) agar pada hari kiamat kamu tidak mengatakan: 'Sesungguhnya kami (bani Adam) ialah orang yang lengah terhadap ini (keesaan Tuhan)." (Surah al-'Araf 7: 172)

Jika kita selalu ingat "aku janji" dan "kontrak" yang pernah ditandatangani dulu, maka perjalanan kita mencari redha Allah pasti akan jarang tersasar walau iman ada naik turunnya.

Kekallah fokus demi memenuhi aku janji yang pernah dimeterai dulu dengan sentiasa mengikut majlis ilmu dan mengamalkan ilmu yang ada, bergaul dengan orang soleh dan selalu muhasabah.